



PELAN STRATEGIK

MAJLIS PERBANDARAN KULAI

2016-2020



2016
2017
2018
2019
2020



PERBANDARAN CEMERLANG, SEJAHTERA SEMUA

ISI KANDUNGAN

	MUKA SURAT
Perutusan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulai	5
Kata-kata Aluan Setiausaha Majlis Perbandaran Kulai	6
Ringkasan Eksekutif	7
▶ BAHAGIAN 1 : PENGENALAN KEPADA MAJLIS PERBANDARAN KULAI	
1.1 Latar Belakang Organisasi	10
1.2 Carta Organisasi	12
1.3 Fungsi Dan Peranan	13
1.4 Punca Kuasa	14
1.5 'Stakeholders' Dan Pelanggan	15
▶ BAHAGIAN 2 : SENARIO PERUBAHAN PERSEKITARAN	18
▶ BAHAGIAN 3 : HALA TUJU STRATEGIK	
3.1 Visi	22
3.2 Misi	22
3.3 Moto	22
3.4 Nilai-nilai Bersama	23
3.5 Objektif Strategik	24
3.6 Peta Strategik	25





ISI KANDUNGAN

	MUKA SURAT
3.7 Pelan Tindakan	
3.7.1 Objektif Strategik 1 - Memperkasakan Pengurusan Kewangan dan Aset Serta Pertumbuhan Ekonomi MPKu	26
3.7.2 Objektif Strategik 2 - Memantapkan Struktur Tadbir Urus Berkualiti dan Modal Insan Yang Kompeten Melalui Penggunaan Teknologi Berinovasi	32
3.7.3 Objektif Strategik 3 - Memantapkan Infrastruktur dan Fasiliti Awam	37
3.7.4 Objektif Strategik 4 - Meningkatkan Tahap Kesejahteraan Komuniti	42
3.7.5 Objektif Strategik 5 - Memastikan Pembangunan Yang Mampan dan Lestari	45
3.7.6 Objektif Strategik 6 - Memantapkan Pematuhan Undang-Undang dan Peraturan	49
▶ BAHAGIAN 4 : MEKANISME PELAKSANAAN/ PEMANTAUAN DAN PENILAIAN	
4.1 Elemen Penentu Kejayaan	54
4.2 Mekanisme Pelaksanaan	57
4.3 Selangkah Ke Hadapan	59
PENUTUP	60



Perutusan

YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN KULAI

Assalamualaikum w.b.t, salam hormat dan salam muafakat Johor.

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan taufik serta innayahNya jua maka Majlis Perbandaran Kulai telah dapat menyediakan dan seterusnya menyiapkan **PELAN STRATEGIK MAJLIS PERBANDARAN KULAI 2016-2020**.

Saya penuh percaya bahawa Pelan Strategik ini akan menjadi **satu dokumen penting ke arah pelaksanaan kerja yang lebih fokus, terancang, bersistematik dan mengutamakan kepuasan pelanggan**. Melalui Pelan Strategik yang digubal ini, pelbagai aspek penting telah diberi keutamaan iaitu Aspek Pelanggan, Aspek Kewangan, Aspek Perkhidmatan Perbandaran, Aspek Perancangan & Pembangunan dan Aspek Proses Dalaman. Semua aspek ini dikenali sebagai **Objektif Strategik**. Ia akan disokong oleh pelaksanaan tindakan dengan sasaran tertentu iaitu Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang digubal bersama.

Warga kerja MPKu hendaklah komited dan bersungguh-sungguh untuk menjayakan Pelan Strategik ini kerana ia milik kita dan direncanakan bersama. Biarlah ia menjadi wadah untuk usaha keras kita memberi perkhidmatan terbaik kepada warga Kulai. Kejayaan pelaksanaan Pelan Strategik ini adalah manifestasi kesungguhan kita ke arah mencapai Organisasi Berprestasi Kelas Pertama. Sekian, terima kasih.



TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN SALLEH
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kulai





Kata-kata Aluan

SETIAUSAHA MAJLIS PERBANDARAN KULAI

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera.

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang. Segala puji bagi Allah Yang Maha Esa, Selawat dan Salam Ke atas Nabi Yang Tidak Ada Nabi Selepasnya; Nabi kita Muhammad Bin Abdullah serta ke atas keluarga dan juga sahabat baginda.

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinNya jua dokumen Pelan Strategik ini dapat disiapkan mengikut jadual: setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan penghargaan terutama kepada Tuan Yang Dipertua, Ketua-Ketua Penolong Pengarah, Ketua-Ketua Jabatan, Ketua-ketua Bahagian dan Unit, semua warga kerja MPKu yang telah bersungguh-sungguh serta komited untuk menyiapkan Pelan Strategik 2016-2020.

Proses penyediaan Pelan Strategik ini bukanlah sesuatu yang baru kepada MPKu kerana sebelum ini kita telah mempunyai pelan yang dilaksanakan sehingga tahun 2015. Pelan Strategik kali ini mempunyai sedikit perbezaan dari segi pendekatan dan terma yang diguna pakai. Walau apa pun hasratnya tetap sama iaitu mencapai matlamat yang disasarkan sehingga tahun 2020.

Kesungguhan semua pihak menggubal dan memperhalusi Penyediaan Pelan Strategik 2016-2020, dan Pengesahan Deraf Pelan Strategik oleh Pengurusan Atasan sangat dihargai.

Kesemua gerak kerja ini tidak akan memberi apa-apa makna sekiranya semua warga kerja MPKu tidak dapat menghayati seterusnya merealisasikan Pelan Strategik ini.

Akhir kata saya menyeru kepada seluruh warga kerja MPKu, bersama-sama menjayakan perancangan ini dengan penuh keikhlasan, kejujuran dan integriti serta iltizam yang tinggi.

Sekian, terima kasih.



ZAINIQ BIN ADANI
Setiausaha
Majlis Perbandaran Kulai



RINGKASAN *Eksekutif*

Pelan Strategik Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) 2016-2020 adalah kesinambungan daripada Pelan Strategik sebelumnya yang digubal untuk tahun 2011-2015. Pelan Strategik ini dirangka hasil inisiatif MPKu bagi melaksanakan agenda pemerkasaan dan transformasi perkhidmatan berkualiti bertujuan meningkatkan kecekapan sistem penyampaian dan daya saing Negara dalam menerajui perubahan ke arah yang lebih cemerlang.

Pelan Strategik ini merumuskan dan menggariskan enam Objektif Strategik dan diterjemahkan dalam pelan tindakan khusus yang mampu memperkukuhkan dan meningkatkan keupayaan serta kompetensi perkhidmatan di samping berupaya merealisasikan agenda pembangunan negara sejajar dengan Tema Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) iaitu berpaksikan rakyat dengan mengambil kira rakyat sebagai tonggak pembangunan negara.

Enam Objektif Strategik telah disedia bagi melaksanakan fungsi dan tugas yang dipertanggungjawabkan serta menangani isu-isu strategik dalam merealisasikan Visi, Misi yang ditetapkan iaitu:

- i. Memperkasakan Pengurusan Kewangan
- ii. Memantapkan Struktur Tadbir Urus Berkualiti dan Modal Insan Yang Kompeten Melalui Penggunaan Teknologi Berinovasi
- iii. Memantapkan Infrastruktur dan Fasiliti Awam
- iv. Meningkatkan Tahap Kesejahteraan Rakyat
- v. Memastikan Pembangunan Yang Mampan dan Lestari
- vi. Memantapkan Pematuhan Undang-Undang dan Peraturan

Kekuatan yang ada dari segenap segi dan diadun dengan pegangan nilai-nilai bersama, Pelan Strategik ini akan berjaya dilaksanakan di samping jalinan budaya kerja yang unggul, strategik, cekap serta berinovasi melalui penggabungan tenaga dan sumber yang efisien serta kolaborasi bersama stakeholders dan pelanggan.

Fasa perancangan pelan ini tentunya tidak memadai jika tidak disertakan dengan tindakan yang efisien dan efektif. Pemantauan secara berterusan dan kajian impak dari semasa ke semasa merupakan pendekatan yang proaktif dalam memastikan Pelan Strategik ini bersifat dinamik, inovatif dan relevan serta keberkesanan tindakan diambil berdasarkan perubahan persekitaran yang kompleks dan cabaran yang akan mendatang.





BAHAGIAN 1

PENGENALAN KEPADA MAJLIS PERBANDARAN KULAI





1.1) LATAR BELAKANG ORGANISASI

Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) merupakan Pihak Berkuasa Tempatan yang ditubuhkan dan diberi kuasa di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

Sejarah penubuhan MPKu bermula dengan penubuhannya yang di beri nama Majlis Tempatan Kulai , ditubuhkan pada tahun 1950.

Pada tahun 1961, akibat perselisihan faham yang terjadi antara Malaysia dan Indonesia, Majlis Tempatan di seluruh Negara telah dibubarkan. Walau bagaimanapun pada 1 Januari 1976 nama Majlis Tempatan Kulai telah ditukar kepada nama Majlis Daerah Kulai. Ianya dibentuk daripada gabungan Sembilan (9) buah majlis tempatan iaitu Kulai, Senai, Kelapa Sawit, Seelong, Saleng, Sengkang, Ayer Bemban, Sedenak dan Bukit Batu. Kemudian Majlis Daerah Kulai telah dinaik taraf kepada nama Majlis Perbandaran Kulai pada tahun 2004.

Pada awal penubuhannya, Majlis Daerah Kulai (MDK) mempunyai keluasan kawasan seluas 123.336 km persegi merangkumi 40 rantai kiri dan kanan jalan raya Persekutuan utama bagi menuju ke Bandaraya Johor Bahru, Senai, Ayer Hitam dan Kota Tinggi.

Pentadbiran MDK juga meliputi laluan bagi Keretapi Tanah Melayu yang menghubungkan perjalanan daripada Utara hingga ke Selatan, dan ke Singapura. Lokasi strategik Kulai yang mudah untuk di hubungi dari pelbagai arah telah menyebabkan ia dipilih sebagai Ibu Pejabat untuk mentadbir kawasan-kawasan yang berada di bawah pentadbirannya.

MPKu juga telah menaik taraf Terminal Bas Kulai menjadi 'Rural Transformation Centre' (RTC), yang mana dulunya suram, kini menjadi tempat yang dapat memudahkan penduduk sekitar di bawah kawasan pentadbiran MPKu untuk mendapatkan perkhidmatan kerajaan seperti Pejabat Imigresen, Pejabat Pendaftaran Negara, Klinik Satu Malaysia dan perkhidmatan-perkhidmatan lain.


Pada tahun 2016 di bawah Program Persempadanan Semula MPKu telah menerima 6 kawasan baharu seluas 1,355.75 hektar dan menyerahkan kawasan Taman Teknologi Johor dan sekitarnya seluas 2,430 hektar.

MPKu komited memberikan perkhidmatan perbandaran untuk memenuhi keperluan semasa penduduk, kawasan pentadbiran MPKu yang berkeluasan 74,700 hektar termasuk penambahan 6 kawasan baharu iaitu Taman Pulau Emas, Bandar Pulau Jaya, Bandar Baru Kangkar Pulai, Taman Ulu Choh, Kampung Baru Ulu Choh dan Kampung Bahagia Ulu Choh.


Kini bandar Kulai telah membangun dengan pesatnya dengan adanya tempat-tempat popular seperti Johor Premium Outlet (JPO) dan Lapangan Terbang Antarabangsa Senai di daerah Kulai ini yang menjadi tempat

tumpuan pelancong dari dalam dan luar negara. Di samping itu juga, kawasan pentadbiran MPKu telah dimasukkan ke dalam kawasan Iskandar Malaysia yang menjadi nadi dan tunggak pembangunan pesat Negeri Johor dan juga Malaysia.

PELAN PERSEMPADANAN TERBARU KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN KULAI



1.2) CARTA ORGANISASI MAJLIS PERBANDARAN KULAI



SUMBER:

- SKP BIL P74 (2007)
 - SKP BIL P14 TAHUN (2009)
 - RM BIL 222 / 2007
 - RM BIL 18/2011
 - MMK BERTARIKH 24/9/2008
 - UNIT BARU
- DISEDIAKAN OLEH BAHAGIAN PENTADBIRAN SUMBER MANUSIA



1.3) FUNGSI DAN PERANAN

01

Merancang dan Mengawal Pembangunan di kawasan MPKu melalui Pelan Struktur/ Tempatan

02

Menyelaras, merancang pembangunan pekan dan bandar serta mengawal bangunan, pengiklanan dan papan tanda

03

Menyelenggara kerja-kerja pembersihan di kawasan pentadbiran Majlis

04

Menyediakan Perkhidmatan Kesihatan, Kawalan Makanan dan Kawalan Penyakit Berjangkit

05

Mengurus dan Menyelenggara Aktiviti Pengindahan Kawasan Majlis

06

Menyelaras dan Menyelenggara Sistem Pengangkutan Lalu Lintas

07

Menyediakan Kemudahan Awam Seperti Gerai, Pasar, Kawasan Penjaja, Dewan Raya, Taman Rekreasi, Perpustakaan, Terminal Bas/ Teksi, Tandas Awam dan Lain-Lain

08

Menyelenggara Dan Membaiki Kemudahan Asas Serta Meningkatkan Taraf Prasarana Bagi Menggalakkan Kegiatan Ekonomi Dan Sosial Yang Berdaya Maju



1.4) PUNCA KUASA

SENARAI AKTA DAN UNDANG-UNDANG DIGUNA PAKAI

- Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta171)
- Akta Jalan, Parit & Bangunan 1974 (Akta 133)
- Akta Perancang Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172)
- Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333)
- Akta Bangunan Dan Harta Bersama (Penyelenggaraan Dan Pengurusan) 2007 (Akta 663)
- Perintah-Perintah Am Pegawai Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor (Kelakuan & Tatatertib) (Pindaan) 2010
 - > Undang-Undang Kecil Pasar-Pasar (Majlis Daerah Kulai) 1982
 - > Undang-Undang Kecil Perlesenan, Tred, Perniagaan, Perindustrian Dan Profesyen (Majlis Daerah Kulai) 1982
 - > Undang-Undang Kecil Penjaja (Majlis Daerah Kulai) 1982
 - > Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembangunan Dan Pelupusan Sampah Sarap (Majlis Daerah Kulai) 1985
 - > Undang-Undang Kecil Mencegah Kekotoran (Majlis Daerah Kulai) 1982
 - > Undang-Undang Kecil Iklan Pilihan Raya (Majlis Daerah Kulai) 1990
 - > Undang-Undang Kecil Gunting Rambut Dan Pemandan Rambut (Majlis Daerah Kulai) 1987
 - > Undang-Undang Kecil Iklan (Majlis Daerah Kulai) 1982
 - > Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan (Majlis Daerah Kulai) 1987
 - > Undang-Undang Kecil Kerja Tanah (Majlis Daerah Kulai) 1995
 - > Undang-Undang Kecil Mengkompaun Kesalahan (Majlis Daerah Kulai) 1987
 - > Perintah Lalu Lintas (Peruntukan Tempat-Tempat Letak Kereta) (Majlis Daerah Kulai) 2003
 - > Undang-Undang Kecil Perlesenan Tempat Meletak Kereta Persendirian (Majlis Daerah Kulai) 1988
 - > Undang-Undang Kecil Taman (Majlis Daerah Kulai)1987
 - > Undang-Undang Kecil Perlesenan Anjing (Majlis Daerah Kulai) 1991
 - > Undang-Undang Kecil Pasar Malam / Sehari (Majlis Perbandaran Kulai) 2004
 - > Undang-Undang Kecil Vandalisme (Majlis Perbandaran Kulai) 2004
 - > Undang-Undang Kecil Tandas Awam (Majlis Perbandaran Kulai) 2004



1.5) STAKEHOLDERS DAN PELANGGAN





BAHAGIAN 2

SENARIO PERUBAHAN PERSEKITARAN



ISU-ISU DAN CABARAN STRATEGIK

EKONOMI

Perkembangan Ekonomi Global menyatakan negara membangun (developing countries) termasuk Malaysia diramal berdepan cabaran yang besar untuk tahun-tahun mendatang. Cabaran ini termasuk kos pinjaman yang tinggi dalam era kejatuhan harga minyak dan pengukuhan dolar Amerika berbanding mata wang lain.

Sebagai sebuah agensi yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam pembangunan sosioekonomi masyarakat di Daerah Kulai, MPKu melihat perkembangan global termasuk kejatuhan ekonomi, isu globalisasi dan ledakan teknologi maklumat sebagai satu situasi yang perlu ditangani secara tuntas dan bersepadu dengan sentiasa melakukan penambahbaikan yang berterusan dan sentiasa mencari ruang dan peluang ke arah kestabilan dan penyelesaian.

PERSEMPADAN SEMULA

Persempadan semula kawasan antara PBT akan memberi kesan terhadap pertambahan bilangan pegangan dan secara tidak langsung akan memerlukan MPKu bertanggungjawab ke atas penduduk yang sentiasa ingin mendapat tahap perkhidmatan yang lebih cekap, cepat dan responsif.

JALINAN KERJASAMA STRATEGIK

Jalinan kerjasama antara MPKu dan rakan strategik melalui program dan aktiviti kemasyarakatan, perkongsian maklumat dan pemantauan bersepadu yang lebih komprehensif selaras dengan tanggungjawab bersama dalam membangunkan Perbandaran Kulai khususnya melalui National Blue Ocean Industries (NBOS) bersama Jabatan dan NGO.

PENGUASAAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

Penggunaan teknologi bukan sahaja telah menghasilkan cara dan kaedah baru menjalankan penyampaian perkhidmatan tetapi juga telah menambah kompleksiti operasi dengan cepat, cekap, berkesan dan telus. Kecanggihan teknologi maklumat menuntut kemampuan dan kemahiran pengguna di samping keperluan peruntukan kos yang tinggi di dalam sistem penyampaian perkhidmatan yang efisien dan efektif.



PEMANTAPAN PENGURUSAN ORGANISASI

Pengurusan organisasi mengandungi cabaran-cabaran dalam melahirkan sumber manusia yang cekap, berprestasi tinggi, relevan dengan keperluan semasa dan berdaya saing iaitu menetapkan hala tuju strategik, memastikan kapasiti organisasi, membangun kompetensi tenaga kerja, pengurusan prestasi, pengiktirafan dan ganjaran dan pembentukan budaya kerja berprestasi tinggi. Untuk memastikan cabaran tersebut dapat diatasi, program dan aktiviti yang memberi impak kepada fungsi-fungsi pengurusan sumber manusia telah dibangunkan yang diukur berpandukan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) supaya tahap pelaksanaannya dapat diukur dengan berkesan.

TADBIR URUS


Tadbir Urus dan Mutu Penyampaian Perkhidmatan MPKu selaku barisan hadapan perlu menyediakan perkhidmatan yang terbaik demi memenuhi harapan rakyat. MPKu bukan sahaja perlu meningkatkan daya saing organisasi PBT, tetapi juga menyediakan satu persekitaran yang sihat untuk meningkatkan daya saing dan kesejahteraan penduduk setempat. MPKu perlu memperkasakan tadbir urus organisasi dengan melaksanakan transformasi bagi memastikan kelangsungan tadbir urus yang cemerlang.






BAHAGIAN 3

HALA TUJU STRATEGIK





MISI

1. Perancangan Pembangunan Perbandaran Yang Mampan Melalui Penyediaan Pelan Pembangunan Terancang, Mekanisme Kawalan Perancangan Yang Efektif, Menyediakan Infrastruktur Bersistematik Serta Menggalakkan Teknologi Hijau.
2. Pengubahan Koridor Ekonomi Yang Progresif Melalui Jaringan Kerjasama Antara Agensi, Penyediaan Persekitaran Pelaburan Berimpak Tinggi dan Promosi Tarikan Pelabur Yang Berkesan.
3. Penyediaan Perkhidmatan Yang Efektif melalui Penerapan Budaya Pembersihan, Penyelenggaraan Infrastruktur, Fasiliti Serta Landskap Yang Holistik Dan Berkualiti Ke Arah Persekitaran Perbandaran Yang Kondusif
4. Penguatkuasaan Undang-Undang Yang Berkesan Melalui Program Pendidikan, Pengubalan Garis Panduan Serta Penguatkuasaan Yang Cepak Dengan Penggunaan Teknologi Yang Optimum.
5. Pembudayaan Sistem Tadbir Urus Yang Cepak Melalui Pelaksanaan Peraturan Dan Penyediaan Persekitaran Kerja Yang Baik Serta Pembangunan Modal Insan yang Unggul



3.4) NILAI-NILAI BERSAMA



MESRA PELANGGAN

Memberikan perkhidmatan yang cekap, berkualiti memastikan layanan yang diterima mesra, selesa dan memenuhi kepuasan hati pelanggan.

PROFESIONALISME DAN PROAKTIF DALAM MENYELESAIKAN MASALAH

Sentiasa berusaha melaksanakan tanggungjawab secara bijaksana berpandukan ilmu, kemahiran dan tahap profesionalisme yang tinggi, mempunyai pertimbangan dalam membuat keputusan yang rasional, melaksanakan strategi terbaik dalam menyelesaikan permasalahan yang dihadapi dengan pantas serta tidak bercanggah dengan peraturan yang ditetapkan.

KOMITMEN / KESETIAAN KEPADA ORGANISASI /KERJA BERPASUKAN

Melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan bersungguh-sungguh, penuh keazaman tanpa mengira masa, tenaga atau tempat dan berkhidmat dengan penuh keikhlasan dan mempunyai semangat kekitaan, bertolak ansur, sifat setia kawan serta muafakat yang tinggi untuk mencapai matlamat organisasi.

UKHWAH YANG TERJALIN UTUH

Melalui suatu jalinan ukhwah yang utuh, semua pihak dapat diuruskan untuk bersama-sama menggembeng usaha, mencanai idea, menjana tenaga bagi mencapai kejaya ke arah memajukan kesejahteraan umum.



3.5) OBJEKTIF STRATEGIK

Enam objektif strategik utama yang dikenal pasti membantu MPKu melaksanakan tugas serta menangani cabaran dalam merealisasikan misi dan visi yang ditetapkan.



3.6) PETA STRATEGIK




3.7) PELAN TINDAKAN

3.7.1 OBJEKTIF STRATEGIK 1

MEMPERKASAKAN PENGURUSAN KEWANGAN

Sumber hasil majlis perlu dipertingkatkan dalam mengoptimumkan pengurusan kewangan. Strategi dan aktiviti yang dilaksanakan memerlukan sumber yang mencukupi dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa melalui pemerkasakan ke atas pengurusan kewangan dan aset yang cemerlang.



MEMPERKUKUHKAN KEDUDUKAN KEWANGAN MAJLIS

STRATEGI	KPI	SASARAN	PELAN TINDAKAN
S1.1	<ul style="list-style-type: none"> Peratusan Jumlah Peningkatan Kutipan Hasil 	<ul style="list-style-type: none"> Kenaikan hasil keseluruhan sebanyak minima 5% setahun 	<p>PENILAIAN HASIL SEMASA/ BARU</p> <ul style="list-style-type: none"> Pertambahan Jumlah Pegangan Berdasarkan Pembangunan Kawasan Baru Kawasan Persempadanan Semula Kempen Pindah Milik (Borang 1) Kerjasama dengan agensi kerajaan dalam permohonan pindah Milik Harta (Borang 14A) Mesyuarat Bantahan Cukai Harta Berjadual Promosi Bagi Menggalakkan Pembayaran Cukai (phamplet, risalah, papan iklan, media sosial dan media massa) Penambahan Saluran Pembayaran Cukai (kaunter cawangan, pembayaran melalui atas talian, kiosk, kaunter bergerak, ejen bank BSN) Dialog/ Perbincangan bersama pembayar cukai Penguatkuasaan Undang-Undang yang menambahkan Hasil Lesen, Denda dan Kompaun Pertambahan Pembangunan yang boleh meningkatkan permohonan lesen baru Semakan Semula Kadar (Fees & Taxes) Meningkatkan Penggunaan GIS Meningkatkan task force penilaian ubah tambah Tuntutan Sumbangan Membantu Kadar (SMK) disiapkan sebelum 25hb Februari setiap tahun Memantapkan sistem penyampaian pandu lalu (drive thru) Memberi insentif cukai kepada golongan OKU dan kakitangan MPKu Meningkatkan pengetahuan melalui latihan, seminar, kursus, lawatan dalam dan luar negara



MEMPERKUKUHKAN KEDUDUKAN KEWANGAN MAJLIS

STRATEGI	KPI	SASARAN	PELAN TINDAKAN
S1.1	<ul style="list-style-type: none"> Peratusan Jumlah Peningkatan Kutipan Hasil 	<ul style="list-style-type: none"> Kenaikan hasil keseluruhan sebanyak minima 5% setahun 	<p>PENILAIAN SEMULA</p> <ul style="list-style-type: none"> Kerja Penilaian Semula pegangan sedia ada bermula tahun 2016 dan penguatkuasaan tahun 2018 Melantik penilai swasta Menggunakan sistem dalam penilaian <p>PENJANAAN HASIL BARU</p> <ul style="list-style-type: none"> Pengenaan Caj Pemajuan Penilaian Harta Khas papan iklan, talian rentis TNB, telekomunikasi Menilai hartanah berskala besar Meningkatkan hubungan dua hala dengan JPPH Negeri, INSPEN, PAPEM, IPTA dan Jabatan berkaitan
	<ul style="list-style-type: none"> Jumlah Kutipan Hasil Tunggakan 	<ul style="list-style-type: none"> 2016-2018 (55% daripada keseluruhan tunggakan) 2019-2020 (65% daripada keseluruhan tunggakan) 	<p>PENGURUSAN TUNGGAKAN CUKAI HARTA</p> <ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan sitaan Bayaran secara ansuran Wujudkan Klinik Tunggakan Cukai (kumpul data/pertemuan) Pembersihan data bermasalah Peringatan melalui sistem SMS Kaveat Mewujudkan Jawatankuasa Tunggakan Cukai Tindakan Peguam Kemaskini Data Pemilik Mempertimbangkan permohonan remisi (bagi kes kekosongan hartanah) Meningkatkan peranan COB bagi tunggakan cukai pemilik strata



MEMPERKUKUHKAN KEDUDUKAN KEWANGAN MAJLIS

STRATEGI	KPI	SASARAN	PELAN TINDAKAN
S1.1	<ul style="list-style-type: none"> Jumlah Kutipan Hasil Tunggakan 	<ul style="list-style-type: none"> 2016-2018 (55% daripada keseluruhan tunggakan) 2019- 2020 (65% daripada keseluruhan tunggakan) 	<ul style="list-style-type: none"> Memantau/ meningkatkan syarat kelulusan pelan bangunan, kebenaran merancang, CCC dan lesen perniagaan dan mewajibkan bayaran cukai semasa/ tertunggak Penguatkuasaan undang-undang yang lebih terhadap kawasan/ taman baru Kempen /'Task Force' mendapatkan maklumat pemilik bagi pelaksanaan sistem SMS Meningkatkan Notis Peringatan dan kes mahkamah melalui panel peguam
	<ul style="list-style-type: none"> Jumlah Pulangan Simpanan Tetap dan Semasa 	<ul style="list-style-type: none"> Kenaikan 5% pulangan setiap tahun 	<ul style="list-style-type: none"> Mempertimbangkan tawaran yang diberi pulangan terbaik dari bank Menstruktur semula pelaburan dari aspek tempoh, jumlah dan kadar pulangan Menjana keuntungan yang bersesuaian melalui tawaran produk akaun semasa

MENINGKATKAN KECEKAPAN PENGURUSAN KEWANGAN

STRATEGI	KPI	SASARAN	PELAN TINDAKAN
S1.2	<ul style="list-style-type: none"> Mengekalkan 4 bintang Indeks Akauntabiliti 	<ul style="list-style-type: none"> Mengekalkan 4 bintang Indeks Akauntabiliti 	<ul style="list-style-type: none"> Menggunakan sepenuhnya sistem perakaunan berkomputer bagi keseluruhan operasi termasuk kutipan hasil, kawalan perbelanjaan dan pengurusan akaun Memastikan pematuhan terhadap prosedur kewangan dilaksanakan sepenuhnya Meningkatkan kawalan dalaman dan memperkemaskan Prosedur Operasi Standard (SOP) tugas rutin kewangan



MENINGKATKAN KECEKAPAN PENGURUSAN KEWANGAN

STRATEGI	KPI	SASARAN	PELAN TINDAKAN
S1.2	<ul style="list-style-type: none"> Penyertaan Perbankan Internet bagi semua akaun bank utama 	<ul style="list-style-type: none"> Menggunakan 100% perbankan Internet 	<ul style="list-style-type: none"> Menggunakan perkhidmatan perbankan internet bagi operasi kewangan sedia ada yang melibatkan akaun bank utama <ul style="list-style-type: none"> - CIMB - Maybank - BIMB - Affin Bank - Am Islamic Bank
	<ul style="list-style-type: none"> Mewujudkan sistem bagi pengurusan inventori 	<ul style="list-style-type: none"> Menggunakan 100% sistem bagi pengurusan inventori dan stor 	<ul style="list-style-type: none"> Menggunakan sistem khusus untuk mengawal keseluruhan operasi stor bagi memastikan pengurusan dilaksanakan dengan lebih sistematik dan teratur

MEMANTAPKAN PENGURUSAN ASET DAN FASILITI

STRATEGI	KPI	SASARAN	PELAN TINDAKAN
S1.3	<ul style="list-style-type: none"> Senarai Perolehan 	<ul style="list-style-type: none"> 2016-2020 Sekurang-kurangnya minimum 80% pendaftaran aset 	<ul style="list-style-type: none"> Memastikan semua Aset Majlis direkodkan
	<ul style="list-style-type: none"> Jangka Hayat Aset 	<ul style="list-style-type: none"> 2016-2020 80% mencapai jangka hayat aset yang ditetapkan 	<ul style="list-style-type: none"> Menyediakan rancangan dan bajet penyelenggaraan aset bagi memastikan aset dan fasiliti diselenggara mengikut jadual
	<ul style="list-style-type: none"> Tahap Kekerapan Penggunaan Aset 	<ul style="list-style-type: none"> 2016-2020 Minimum 20% mencapai tahap penggunaan 	<ul style="list-style-type: none"> Menaik taraf dan menyelenggara semula dewan Majlis Mempromosikan penyewaan aset secara agresif Mencari lokasi pembinaan dewan/aset mengikut kehendak setempat
	<ul style="list-style-type: none"> Jumlah Hasil Sewa Dewan 	<ul style="list-style-type: none"> 2016-2020 Peningkatan Hasil Sewa Dewan sebanyak 5% setiap tahun 	<ul style="list-style-type: none"> Menaik taraf dan menyelenggara semua dewan Majlis Mempromosikan penyewaan aset secara agresif



MEMANTAPKAN PENGURUSAN ASET DAN FASILITI

STRATEGI	KPI	SASARAN	PELAN TINDAKAN
S1.3	<ul style="list-style-type: none"> • Rekod Aset Yang Sistematis 	<ul style="list-style-type: none"> • 2016-2020 Tiada Kehilangan Aset 	<ul style="list-style-type: none"> • Menganakan penalti/ surcaj jika berlaku kehilangan • Merekodkan pergerakan aset • Mengadakan kempen kesedaran agar sama-sama menjaga dan menggunakan aset dengan baik • Menyemak dan memeriksa kondisi aset sebelum dan selepas • Melaksanakan pemeriksaan aset di lokasi berbanding aset yang telah direkodkan
	<ul style="list-style-type: none"> • Mencapai 4 bintang dalam pengauditan Indeks Akauntabiliti 	<ul style="list-style-type: none"> • Pematuhan tatacara pengurusan aset kerajaan secara keseluruhan 	<ul style="list-style-type: none"> • Menyelenggara dan menguruskan aset sebagaimana tatacara pengurusan aset • Membuat pemantauan dan semakan secara berkala



3.7.2 OBJEKTIF STRATEGIK 2

MEMANTAPKAN STRUKTUR TADBIR URUS BERKUALITI DAN MODAL INSAN YANG KOMPETEN MELALUI PENGGUNAAN TEKNOLOGI BERINOVASI

Kecemerlangan organisasi bersandarkan tadbir urus yang baik 'good governance' dan pembudayaan modal insan di kalangan warga kerja dengan memantapkan sistem, prosedur, etika kerja yang didokumen dan mempertingkatkan kefahaman dan penggunaan ke arah teknologi bagi melahirkan perkhidmatan penyampaian yang efektif dan proaktif serta mesra pengguna sejajar dengan Kulai sebagai sebuah hub teknologi dan komunikasi oleh Kerajaan Negeri Johor.



PENGURUSAN BAKAT ORGANISASI BERTERASKAN KOMPETENSI

STRATEGI	KPI	SASARAN	PELAN TINDAKAN
S2.1	<ul style="list-style-type: none"> • Produktiviti perkhidmatan meningkat • Aduan salah laku berkurangan • Rekod kehadiran kakitangan 100% 	<ul style="list-style-type: none"> • 2016 - 2020 tahap prestasi kerja (SKT) tiada di bawah 75% • 2016 - 2020 laporan kes tatatertib 0% • Laporan kedatangan lewat dan kaunseling menurun. <ul style="list-style-type: none"> - 2016 – 10% - 2017 – 8% - 2018 – 6% - 2019 – 4% - 2020 – 0% 	<ul style="list-style-type: none"> • Pembangunan dan pelaksanaan Pelan Pembangunan Sumber Manusia • Penempatan warga kerja mengikut kompetensi melalui pelan pusingan kerja • Memantapkan pelan integriti dan kod etika organisasi • Penerapan nilai – nilai murni di kalangan warga kerja • Memperluaskan Pelan Induk Latihan • Melaksanakan kajian keperluan latihan warga kerja • Penyediaan Pelan Pengembangan Kerjaya dan Training Road Map • Penyediaan Pelan Penggantian yang komprehensif untuk jawatan kritikal • Pelaksanaan program pementoran dan Coaching untuk memantapkan kompetensi dan prestasi kakitangan • Pelaksanaan program kaunseling dan Akrab yang lebih berkesan
	<ul style="list-style-type: none"> • Tahap kompetensi Kakitangan meningkat • Jumlah kakitangan menghadiri latihan selama 7 hari/ setahun 	<ul style="list-style-type: none"> • Setiap kakitangan mencapai tahap kompeten dalam melaksanakan tugas • 100% kakitangan menghadiri latihan 	

PENYEDIAAN PERSEKITARAN KERJA YANG KONDUSIF

STRATEGI	KPI	SASARAN	PELAN TINDAKAN
S2.2	<ul style="list-style-type: none"> • Tahap Pengemaskinian secara menyeluruh Sistem HRMIS merangkumi 5 modul • Aduan salah laku berkurangan 	<ul style="list-style-type: none"> • 2016 – 95% • 2017 – 100% • 2018 – 100% • 2019 – 100% • 2020 – 100% • 2016 – 2020 laporan kes tatatertib 0% 	<ul style="list-style-type: none"> • Memanfaatkan dan Mengoptimumkan penggunaan teknologi ICT Dalam Penyampaian Perkhidmatan (HRMIS) • Mempertingkatkan Jalinan Hubungan Antara Pihak Pengurusan dan Kakitangan Mesy MBJ 4 kali setahun



PENYEDIAAN PERSEKITARAN KERJA YANG KONDUSIF

STRATEGI	KPI	SASARAN	PELAN TINDAKAN
S2.2	<ul style="list-style-type: none"> • Rekod kehadiran kakitangan 100% 	<ul style="list-style-type: none"> • Laporan kedatangan lewat dan kaunseling menurun. <ul style="list-style-type: none"> - 2016 – 10% - 2017 – 8% - 2018 – 6% - 2019 – 4% - 2020 – 0% 	<ul style="list-style-type: none"> • Pelaksanaan 5s • Membekalkan warga kerja dengan kelengkapan yang lengkap dalam melaksanakan tugas • Memperkasakan Sistem Pengurusan Aset
	<ul style="list-style-type: none"> • Tahap kompetensi Kakitangan meningkat • Jumlah kakitangan menghadiri latihan selama 7 hari/ setahun 	<ul style="list-style-type: none"> • Setiap kakitangan mencapai tahap kompeten dalam melaksanakan tugas • 100% kakitangan menghadiri latihan 	<ul style="list-style-type: none"> • Penglibatan Kakitangan Dalam bidang sukan • Pemberian Insentif / Penghargaan • Hari Keluarga, Sukan Jabatan setiap tahun, Piala YDP setiap tahun • Hari keluarga setiap tahun

MEMANTAPKAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI BERINOVASI DI DALAM MENINGKATKAN SISTEM PERKHIDMATAN PENYAMPAIAN

STRATEGI	KPI	SASARAN	PELAN TINDAKAN
S2.3	<ul style="list-style-type: none"> • Mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan menerusi pewujudan dan penambahbaikan aplikasi sedia ada. 	<ul style="list-style-type: none"> • Jumlah sistem yang dibangunkan / ditambahbaik 	<ul style="list-style-type: none"> • Membuat kajian proses kerja yang boleh digitalkan • Mengkaji keperluan pelanggan yang boleh dipermudahkan melalui pembangunan sistem • Mengkaji kejayaan PBT lain dalam pembangunan sistem penyampaian mereka • Migrasi sistem lama (text base) kepada sistem baru yang berasaskan aplikasi web • Mempertingkatkan perkhidmatan atas talian • Melaksanakan single sign on dalam penggunaan aplikasi atas talian



MEMANTAPKAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI BERINOVASI DI DALAM MENINGKATKAN SISTEM PERKHIDMATAN PENYAMPAIAN

STRATEGI	KPI	SASARAN	PELAN TINDAKAN
S2.3	<ul style="list-style-type: none"> Mempertingkatkan kepakaran dan kemahiran anggota kerja dalam bidang ICT 	<ul style="list-style-type: none"> Jumlah 3 kursus / setahun Minima 5 orang penyertaan setiap kursus Tahap kompetensi meningkat dalam penggunaan sistem sedia ada 	<ul style="list-style-type: none"> Memberi pendedahan dan pendidikan kepada anggota tentang penggunaan sistem aplikasi dan tatacara penggunaan serta penyelenggaraan perkakasan ICT melalui kursus dan bengkel. Menjalankan ujian tahap kecekapan anggota terhadap aplikasi ICT selepas menjalani latihan pemerksaan modul
	<ul style="list-style-type: none"> Mengoptimumkan dan meningkatkan operasi ICT menerusi penambahbaikan infrastruktur ICT 	<ul style="list-style-type: none"> Jumlah aduan berkaitan peralatan ICT yang berjaya diatasi sebanyak 80% 	<ul style="list-style-type: none"> Menaik taraf rangkaian di antara ibu pejabat dan cawangan dengan menggunakan teknologi kawalan secara berpusat (IPVPN) Menaik taraf sistem Firewall bagi mengawal penggunaan internet dan keselamatan capaian. Menyediakan dan melaksanakan penyelenggaraan perkakasan ICT secara berkala Mewujudkan polisi khusus ICT yang melibatkan: <ul style="list-style-type: none"> Perolehan perisian dan perkakasan ICT Tatacara penggunaan perkakasan ICT
	<ul style="list-style-type: none"> Pengemaskinian dan pematuhan Ciri-ciri Asas Mandatori Laman Web Rasmi. 	<ul style="list-style-type: none"> 2016 – 2020 5 Bintang 	<ul style="list-style-type: none"> Pelantikan 'Web-Master' bagi mengurus tadbir kandungan dan mematuhi kriteria – kriteria mengikut garis panduan yang ditetapkan. Mewujudkan Jawatankuasa Kecil Kandungan Laman Web Rasmi MPKu bagi mendapatkan informasi dan maklumat terkini.



MEMPERKUKUHKAN BUDAYA KUALITI, INOVASI DAN KREATIVITI DI KALANGAN WARGA KERJA

STRATEGI	KPI	SASARAN	PELAN TINDAKAN
S2.4	<ul style="list-style-type: none"> MS ISO 9001:2015 	<ul style="list-style-type: none"> 2017-2020 mendapat dan mengekalkan persijilan 	<ul style="list-style-type: none"> Menyediakan perancangan perubahan standard dari 9001:2008 kepada 9001:2015
	<ul style="list-style-type: none"> Jumlah inovasi yang berjaya dilaksanakan setiap Jabatan 	<ul style="list-style-type: none"> 2016 - 2 2017 - 3 2018 - 4 2019 - 5 2020 - 6 	<ul style="list-style-type: none"> Memantapkan Pengurusan Maklumat Kakitangan Kursus berkaitan inovasi, kemahiran berfikir, penyelesaian masalah Wujudkan sistem penghargaan Lawatan ke agensi Bengkel 'blue ocean' Wujudkan Jawatankuasa Inovasi di setiap Jabatan
	<ul style="list-style-type: none"> Mendapat Anugerah Emas 	<ul style="list-style-type: none"> 2018 	<ul style="list-style-type: none"> Menyertai Pertandingan Anugerah Inovasi Sektor Awam
	<ul style="list-style-type: none"> Laporan APC selewat-lewatnya Mac setiap tahun 	<ul style="list-style-type: none"> 2016 – 100% 2017 – 100% 2018 – 100% 2019 – 100% 2020 – 100% 	<ul style="list-style-type: none"> Memantapkan Sistem Pengiktirafan Dalaman



3.7.3 OBJEKTIF STRATEGIK 3

MEMANTAPKAN INFRASTRUKTUR DAN FASILITI AWAM

Mempertingkatkan kemudahan dan infrastruktur awam ke arah kehidupan yang lestari dengan pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam yang komprehensif bagi meningkatkan imej dan kualiti perkhidmatan MPKu



MEMANTAPKAN KEMUDAHAN AWAM DAN INFRASTRUKTUR BERKUALITI

STRATEGI	KPI	SASARAN	PELAN TINDAKAN
S3.1	<ul style="list-style-type: none"> Peratusan pelaksanaan projek pembangunan 	<ul style="list-style-type: none"> 100% 	<ul style="list-style-type: none"> Perancangan bajet tahunan Penyediaan laporan Pelaksanaan projek pembangunan
	<ul style="list-style-type: none"> Peratusan pelaksanaan projek penyelenggaraan 	<ul style="list-style-type: none"> 100% 	<ul style="list-style-type: none"> Perancangan bajet tahunan Penyediaan laporan Pelaksanaan projek penyelenggaraan
	<ul style="list-style-type: none"> Peratusan jumlah aduan berjaya diatasi 	<ul style="list-style-type: none"> 90% 	<ul style="list-style-type: none"> Mantapkan peranan skuad aduan Jabatan Teknikal

MENINGKATKAN SISTEM JARINGAN LALU LINTAS KAWASAN BANDAR

STRATEGI	KPI	SASARAN	PELAN TINDAKAN
S3.2	<ul style="list-style-type: none"> Kes kemalangan berpunca dari kerosakan jalan dikurangkan 	<ul style="list-style-type: none"> 5% setahun 	<ul style="list-style-type: none"> Pembinaan bendul/ log strip Pembinaan lintasan pejalan kaki Penambahan perabot jalan (signage, guard rail, dll) Mengkaji jalan yang berisiko tinggi Penggunaan kaedah dan teknologi baru
	<ul style="list-style-type: none"> Aduan kerosakan jalan diambil tindakan 	<ul style="list-style-type: none"> Tindakan awal kurang daripada 48 jam 	<ul style="list-style-type: none"> Menyediakan jadual dan rekod pemantauan Melantik kontraktor penyelenggaraan Road Gang
	<ul style="list-style-type: none"> Jumlah jalan alternatif ditambah di destinasi tumpuan 	<ul style="list-style-type: none"> 3 laluan/ 1 destinasi utama 	<ul style="list-style-type: none"> Mengkaji destinasi kritikal / tumpuan Membina jalan baru di atas rezab jalan sedia ada Menaik taraf jalan sedia ada Mendaftar jalan baru oleh pemaju / majlis melalui MARRIS



MENINGKATKAN IMEJ BANDAR KULAI

STRATEGI	KPI	SASARAN	PELAN TINDAKAN
S3.3	<ul style="list-style-type: none"> Jumlah inisiatif untuk meningkatkan imej majlis Tahap persepsi pengguna terhadap imej majlis 		<ul style="list-style-type: none"> Projek-projek menaik taraf Pemasangan billboard/ signage seragam Wujudkan identiti perabot jalan Penyeragaman pokok

MEMANTAPKAN KECEKAPAN SISTEM SALIRAN

STRATEGI	KPI	SASARAN	PELAN TINDAKAN
S3.4	<ul style="list-style-type: none"> Jumlah kawasan hot spot banjir kilat dikurangkan 	<ul style="list-style-type: none"> 1 kawasan / tahun 	<ul style="list-style-type: none"> Kajian hot spot banjir Kenal pasti kawasan potensi banjir Penyediaan bajet Kerjasama bersama JPS /JKR

MENINGKATKAN KEINDAHAN SEJAJAR DENGAN MATLAMAT LANDSKAP PERBANDARAN

STRATEGI	KPI	SASARAN	PELAN TINDAKAN
S3.5	<ul style="list-style-type: none"> Pelan induk landskap yang diwujudkan 	<ul style="list-style-type: none"> Siap 2016 	<ul style="list-style-type: none"> Melantik konsultan Penyediaan bajet
	<ul style="list-style-type: none"> Tahap kemahiran dalam bidang landskap anggota kerja meningkat 	<ul style="list-style-type: none"> 5 orang pakar pada 2020 	<ul style="list-style-type: none"> Mengenal pasti kursus yang sesuai untuk anggota Memastikan setiap anggota menghadiri kursus landskap dan hortikultur
	<ul style="list-style-type: none"> Taman-taman awam yang dinaik taraf 	<ul style="list-style-type: none"> 1 taman / tahun 	<ul style="list-style-type: none"> Mengenal pasti taman awam yang perlu dinaik taraf
	<ul style="list-style-type: none"> Bilangan penanaman pokok 	<ul style="list-style-type: none"> 2000 pokok / tahun 	<ul style="list-style-type: none"> Merekodkan penanaman pokok yang dijalankan oleh pemaju, komuniti dan program PBT
	<ul style="list-style-type: none"> Bilangan penyelenggaraan pokok teduhan 	<ul style="list-style-type: none"> 50 pokok / bulan 	<ul style="list-style-type: none"> Mengenal pasti kekuatan anggota Mengenal pasti keperluan peralatan



MENINGKATKAN KEINDAHAN SEJAJAR DENGAN MATLAMAT LANDSKAP PERBANDARAN

STRATEGI	KPI	SASARAN	PELAN TINDAKAN
S3.5	• Bilangan penyelenggaraan kawasan lapang	• 24 taman / tahun	<ul style="list-style-type: none"> • Mengenal pasti kawasan • Mengenal pasti kekuatan anggota • Mengenal pasti keperluan peralatan
	• Pembudayaan landskap	• 2 program / tahun	<ul style="list-style-type: none"> • Mengajukan program landskap yang boleh disertai oleh orang awam • Menyertai program bahagian landskap peringkat kebangsaan/ antarabangsa • Memperluaskan sambutan kebun komuniti
	• Aduan landskap dikurangkan	• Pengurangan 20% setahun	<ul style="list-style-type: none"> • Saringan aduan • Mengenal pasti keutamaan • Lantikan kontraktor

MEMANTAPKAN PENGGUNAAN KAWASAN REKREASI

STRATEGI	KPI	SASARAN	PELAN TINDAKAN
S3.6	• Jumlah penggunaan kawasan rekreasi ditingkatkan	• Minima 2 penggunaan dalam sebulan	<ul style="list-style-type: none"> • Menaik taraf Pusat Latihan Gunung Pulai 2 • Mempromosi kawasan • Lantikan operator • Penglibatan NGO

MEMANTAPKAN TAHAP KEBERSIHAN FASILITI DAN PERSEKITARAN

STRATEGI	KPI	SASARAN	PELAN TINDAKAN
S3.7	• Jumlah zon bersih meningkat	<ul style="list-style-type: none"> • 2016 – 10% • 2017 – 20% • 2018 – 30% • 2019 – 40% • 2020 – 50% 	<ul style="list-style-type: none"> • Program gerak gempur pembersihan awam • Pengezonan zon bersih mengikut kawasan perumahan • Program gotong royong bersama komuniti penduduk • Pertandingan taman bersih secara tahunan



MEMANTAPKAN TAHAP KEBERSIHAN FASILITI DAN PERSEKITARAN

STRATEGI	KPI	SASARAN	PELAN TINDAKAN
S3.7	<ul style="list-style-type: none"> Jumlah tandas awam milik MPKu yang digredkan 5 bintang meningkat 	<ul style="list-style-type: none"> 2016 – 10% 2017 – 20% 2018 – 30% 2019 – 40% 2020 – 50% 	<ul style="list-style-type: none"> Projek menaik taraf tandas awam Penambahbaikan dalam aspek kerja-kerja kontrak pembersihan tandas awam Mengamalkan kaedah pemantauan yang lebih berkesan Kempen kesedaran penggunaan tandas yang betul Pertandingan tandas bersih MPKu
	<ul style="list-style-type: none"> Jumlah gerai makanan milik MPKu yang digredkan A meningkat 	<ul style="list-style-type: none"> 2016 – 5% 2017 – 10% 2018 – 15% 2019 – 20% 2020 – 25% 	<ul style="list-style-type: none"> Projek menaik taraf gerai MPKu Kempen kesedaran pengendalian makanan Mengamalkan aktiviti penguatkuasaan secara berjadual Pertandingan gerai bersih MPKu
	<ul style="list-style-type: none"> Jumlah aduan pembersihan awam diatasi 	<ul style="list-style-type: none"> 2016 – 100% 2017 – 100% 2018 – 100% 2019 – 100% 2020 – 100% 	<ul style="list-style-type: none"> Penambahbaikan fungsi pegawai kawasan (area officer) dan pasukan pemantau Mengamalkan kaedah pemantauan yang lebih berkesan Program gerak gempur pembersihan awam bagi kawasan hotspot aduan


MEMPERKASAKAN AKTIVITI KAWALAN DAN PENCEGAHAN DENGGI

STRATEGI	KPI	SASARAN	PELAN TINDAKAN
S3.7	<ul style="list-style-type: none"> Jumlah kes denggi menurun 	<ul style="list-style-type: none"> 2016 – 5% 2017 – 10% 2018 – 15% 2019 – 20% 2020 – 25% 	<ul style="list-style-type: none"> Penyediaan dan pelaksanaan plan tindakan pencegahan denggi MPKu Pemantauan kawasan berisiko denggi Tindakan fogging bagi kawasan-kawasan yang berisiko denggi Pembersihan premis-premis terbiar Program gerak gempur pembersihan awam bagi kawasan hotspot denggi Program gotong royong bersama komuniti



3.7.4 OBJEKTIF STRATEGIK 4

MEMANTAPKAN TAHAP KESEJAHTERAAN KOMUNITI



MEMPERLUASKAN PENGGUNAAN KEMUDAHAN ICT KEPADA KOMUNITI

STRATEGI	KPI	SASARAN	PELAN TINDAKAN
S4.1	<ul style="list-style-type: none"> Jumlah keseluruhan kawasan yang mempunyai liputan 'wifi' 	<ul style="list-style-type: none"> 2016 - 10 2017 - 15 2018 - 20 2019 - 22 2020 - 24 	<ul style="list-style-type: none"> Menyediakan pusat maklumat perbandaran Mengenal pasti kawasan-kawasan tumpuan umum dan kawasan strategik bagi liputan 'wifi' Mengkaji keperluan menaik taraf kelajuan internet dari masa ke semasa

MEMANTAPKAN SISTEM PENGURUSAN ADUAN AWAM

STRATEGI	KPI	SASARAN	PELAN TINDAKAN
S4.2	<ul style="list-style-type: none"> Tempoh masa maklumbalas diberikan Tempoh masa siasatan dilaksanakan 	<ul style="list-style-type: none"> 15 minit RT 48 jam 	<ul style="list-style-type: none"> Menyediakan aplikasi khas untuk aduan awam 'mobile apps' Menyediakan kiosk aduan di tempat tumpuan orang ramai Sistem aduan bersepadu

MENINGKATKAN TAHAP KESEJAHTERAAN KOMUNITI

STRATEGI	KPI	SASARAN	PELAN TINDAKAN
S4.3	<ul style="list-style-type: none"> Peningkatan pendapatan golongan sasaran minimum 20% 	<ul style="list-style-type: none"> Minimum 20% 	<ul style="list-style-type: none"> Menyusun semula peniaga/ usahawan kecil di kawasan perniagaan yang lebih kondusif Menyediakan peluang/ pembangunan usahawan untuk golongan sasar Menempatkan semula peniaga kecil di perhentian bas, tepi jalan dan tempat letak kereta Memastikan seorang golongan sasar mendapat bantuan setahun



MENGUKUHKAN JALINAN KERJASAMA DENGAN NGO TEMPATAN, AGENSI KERAJAAN DAN KOMUNITI

STRATEGI	KPI	SASARAN	PELAN TINDAKAN
S4.4	<ul style="list-style-type: none"> Jumlah program kerjasama yang berjaya dilaksanakan Jumlah & keberkesanan dialog PBT 	<ul style="list-style-type: none"> Setahun 2 MoU Minimum 6 program setahun 	<ul style="list-style-type: none"> Mengadakan MoU dengan NGO-NGO Perbandaran Kulai Seminar dan program jabatan-jabatan bersama NGO, KRT, JKKK, Persatuan Penduduk dan komuniti Mewujudkan balai muafakat penduduk di kawasan perumahan Meningkatkan jumlah sesi dialog PBT Meningkatkan komuniti engagement

MEMPERLUAS PERANAN DAN FUNGSI YAYASAN SEJAHTERA MPKU

STRATEGI	KPI	SASARAN	PELAN TINDAKAN
S4.5	<ul style="list-style-type: none"> Jumlah program yang berjaya dilaksanakan 	<ul style="list-style-type: none"> Minimum 6 program setahun 	<ul style="list-style-type: none"> Mewujudkan kolaborasi dengan JPPP untuk mengenal pasti golongan sasaran termasuk miskin bandar Mewujudkan pengkalan data untuk golongan miskin bandar (Data Bank) Mempertingkatkan penglibatan industri dalam Company Social Responsibility (CSR)

MEMANTAPKAN PENGURUSAN CADANGAN AWAM


STRATEGI	KPI	SASARAN	PELAN TINDAKAN
S4.6	<ul style="list-style-type: none"> Jumlah cadangan yang berjaya dikumpulkan Jumlah cadangan yang dikaji dan diambil tindakan 	<ul style="list-style-type: none"> Minimum 10 cadangan sebulan 100% cadangan dikaji dan diambil tindakan 	<ul style="list-style-type: none"> Agenda mesyuarat pengurusan Mewujudkan urusetia khas



3.7.5 OBJEKTIF STRATEGIK 5

MEMASTIKAN PEMBANGUNAN YANG MAMPAN DAN LESTARI

Perbandaran yang dinamik dan progresif adalah impak dari perancangan dan pelaksanaan secara menyeluruh dan kawalan pembangunan yang tersusun dan jalinan kerjasama oleh orang awam dan agensi-agensi yang terlibat.



MEMPERKASAKAN CIRI-CIRI KESELAMATAN PERBANDARAN

STRATEGI	KPI	SASARAN	PELAN TINDAKAN
S5.1	<ul style="list-style-type: none"> Peningkatan persepsi selamat penduduk 	<ul style="list-style-type: none"> Peningkatan rasa selamat 100% menjelang 2020 	<ul style="list-style-type: none"> Pemasangan cctv Pelaksanaan langkah Bandar Selamat Kempen keselamatan
	<ul style="list-style-type: none"> Jumlah projek pelaksanaan langkah bandar selamat 	<ul style="list-style-type: none"> Mencapai 100% jumlah projek langkah bandar selamat dilaksanakan Jumlah Kawasan yang telah dilaksanakan Jumlah kawasan blackspot Unit pelaksanaan langkah bandar selamat 	<ul style="list-style-type: none"> Pelaksanaan langkah Bandar Selamat Pencahayaan Rel penghadang Papan tanda Cermin keselamatan 5 TLM berkunci
	<ul style="list-style-type: none"> Penurunan kadar jenayah 	<ul style="list-style-type: none"> 2020 - Penurunan kadar jenayah sebanyak 90% 	<ul style="list-style-type: none"> Pemasangan CCTV Pelaksanaan langkah bandar selamat Kempen keselamatan Mesyuarat jawatankuasa Bandar Selamat MPKu
	<ul style="list-style-type: none"> Mensyaratkan pelaksanaan langkah-langkah program bandar selamat dan CPTED dalam pelan cadangan pembangunan 	<ul style="list-style-type: none"> 2017 - Mencapai 100% pelaksanaan Jumlah keseluruhan kawasan MPKu (747 km persegi) 	<ul style="list-style-type: none"> Mensyaratkan pelaksanaan langkah-langkah program Bandar Selamat dan CPTED dalam pelan cadangan pembangunan
	<ul style="list-style-type: none"> Penempatan pekerja di kawasan pembangunan industri 	<ul style="list-style-type: none"> 2020 - Penempatan pekerja di kawasan pembangunan industri sebanyak 100% 	<ul style="list-style-type: none"> Mensyaratkan pemaju menyediakan penempatan pekerja bagi kawasan perindustrian baru



MEMANTAPKAN KAWALAN PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN

STRATEGI	KPI	SASARAN	PELAN TINDAKAN
S5.2	<ul style="list-style-type: none"> Jumlah permohonan/ aduan yang mematuhi garis panduan 	<ul style="list-style-type: none"> 2016 pematuhan - 20% 2017 pematuhan - 40% 2018 pematuhan - 60% 2019 pematuhan - 80% 2020 pematuhan - 100% 	<ul style="list-style-type: none"> Pemantauan berterusan terhadap pembangunan yang sedang dan telah dibangunkan Mematuhi akta dan garis panduan yang berkaitan dalam pelan pemajuan Memastikan tindakan penguatkuasaan dan perundangan dilaksanakan secara berkesan Membuat operasi pemutihan permit sementara bagi perumahan dan kilang (awning, pagar) Membuat pemutihan ubah tambah rumah di kawasan perumahan lama Melaksanakan permit gerai niaga untuk penjaja - penjaja dengan menempatkan semula penjaja - penjaja di kawasan yang sesuai Menggalakan pemilik-pemilik tanah untuk membuat ubah syarat tanah dan kelulusan permohonan bagi kawasan zon industri Meningkatkan peranan sebagai pengurus kawasan industri dengan pelabur unit industri
	<ul style="list-style-type: none"> Masa yang dapat dijimatkan dalam kelulusan pelan pemajuan 	<ul style="list-style-type: none"> 2016 - 100% 2017 - 100% 2018 - 100% 2019 - 100% 2020 - 100% <p>Mematuhi Tempoh Masa Kelulusan Pelan</p>	<ul style="list-style-type: none"> Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Secara Berkala Mengadakan Pra-Rundingan Sebelum Permohonan Rasmi Dikemukakan Penyediaan Senarai Semak Permohonan Yang Lengkap & Terkini Penyediaan Garis Panduan Perancangan Secara Online Penyediaan Dasar-Dasar Kerajaan Di Peringkat Persekutuan, Negeri Dan PBT Untuk Panduan PSP Atau SP.
	<ul style="list-style-type: none"> Prosedur permohonan yang kurang relevan yang dapat dikurangkan 	<ul style="list-style-type: none"> 2016 pengurangan - 20% 2017 pengurangan - 40% 2018 pengurangan - 60% 2019 pengurangan - 80% 2020 pengurangan - 100% 	<ul style="list-style-type: none"> Prosedur Kelulusan Pelan Yang Bertindan Diselaraskan Dan Ditambah baik Kerjasama Antara Jabatan Teknikal Dalam Perlaksanaan Sistem OSC Online



MEMACUKAN PEMBANGUNAN BERORIENTASIKAN KONSEP TEKNOLOGI HIJAU

STRATEGI	KPI	SASARAN	PELAN TINDAKAN
S5.3	<ul style="list-style-type: none"> Jumlah pembangunan industri, perumahan, perniagaan melaksanakan SPAH 	<ul style="list-style-type: none"> Peningkatan 20% penggunaan SPAH pada tahun 2016 berbanding 2015 	<ul style="list-style-type: none"> Mensyaratkan Penggunaan SPAH Bagi Pembinaan Industri Dan Perumahan Kos Tinggi
	<ul style="list-style-type: none"> Laluan pejalan kaki 	<ul style="list-style-type: none"> 2016 - 2020 (penyediaan sepanjang 5 km setiap tahun) Jumlah kawasan pentadbiran 	<ul style="list-style-type: none"> Penyediaan Pelan Konsep / Induk
	<ul style="list-style-type: none"> Laluan basikal 	<ul style="list-style-type: none"> 2016 - 2020 (penyediaan sepanjang 5 km setiap tahun) Jumlah kawasan pentadbiran 	<ul style="list-style-type: none"> Penyediaan Pelan Konsep / Induk
	<ul style="list-style-type: none"> Pengkomposan sisa 	<ul style="list-style-type: none"> 50% penduduk melaksanakan menjelang 2020 Minimum 5 program & kempen kesedaran dilaksanakan menjelang 2020 	<ul style="list-style-type: none"> Penyediaan Pelan Tindakan Mengadakan Program & Kempen Kesedaran
	<ul style="list-style-type: none"> Kebun kejiranan 	<ul style="list-style-type: none"> 30% penduduk melaksanakan menjelang 2020 	<ul style="list-style-type: none"> Penyediaan Pelan Tindakan

MENYEDIAKAN PERUMAHAN MAMPU MILIK JOHOR, KEMUDAHAN AWAM DAN INFRASTRUKTUR YANG LENGKAP DAN MEMENUHI KEPERLUAN PENDUDUK

STRATEGI	KPI	SASARAN	PELAN TINDAKAN
S5.4	<ul style="list-style-type: none"> Jumlah unit RMMJ yang telah dibina berdasarkan MOU bersama pemaju 	<ul style="list-style-type: none"> Mencapai 100% unit RMMJ yang telah terlaksana pada 2020 	<ul style="list-style-type: none"> Tandatangan MOU Melaksanakan Mekanisme Kawalan Fasa Perancangan
	<ul style="list-style-type: none"> Mewujudkan pengangkutan bas awam percuma 	<ul style="list-style-type: none"> Menjelang 2020 sebanyak 80% pelebaran kawasan perkhidmatan 	<ul style="list-style-type: none"> Pelan Induk Pengangkutan Bas Awam Percuma Kerjasama Mpku Dan Pengangkutan Awam Johor

PENYERAPAN TEKNOLOGI BARU MELALUI INOVASI BERTERUSAN

STRATEGI	KPI	SASARAN	PELAN TINDAKAN
S5.5	<ul style="list-style-type: none"> Pemantapan perisian dan Penggunaan GIS 	<ul style="list-style-type: none"> Pelaksanaan 100% pada tahun 2017 	<ul style="list-style-type: none"> Melaksanakan perisian GIS Yang Terkini Melatih pegawai Yang Ditugaskan



3.7.6 OBJEKTIF STRATEGIK 6

MEMANTAPKAN PEMATUHAN UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN

Tadbir Urus perlu diperkasakan bagi pematuhan kepada peraturan dan Undang-Undang bagi mewujudkan persekitaran pembudayaan prestasi organisasi dan keberkesanan penguatkuasaan.



MEMPERTINGKATKAN KEBERKESANAN, PEMATUHAN, KAWALAN DAN TINDAKAN PENGUATKUASAAN

STRATEGI	KPI	SASARAN	PELAN TINDAKAN
S6.1	<ul style="list-style-type: none"> • Kekerapan rondaan/ pemantauan di setiap 10 zon • Pemeriksaan premis perniagaan • Pemeriksaan/ penguatkuasaan iklan • Operasi menunda kenderaan buruk 	<ul style="list-style-type: none"> • 2 kali seminggu • Minima 4 kali setahun • 6 bulan sekali di seluruh kawasan pentadbiran MPKu • Operasi 3 kali setahun 	<ul style="list-style-type: none"> • Jadual Tugas Rondaan Berkala • Mengambil Tindakan Notis/ Kompaun Berdasarkan Akta Dan Undang-Undang Kecil Jika Temui Kesalahan • Memeriksa Setiap Premis Perniagaan • Operasi Bersama Jabatan Kesihatan Awam • Pemeriksaan Papan Iklan Yang Tidak Mematuhi Undang-Undang Kecil • Operasi Bersama • Menyediakan Depoh Simpanan Kenderaan Buruk • Peruntukkan Sebuah Lori Tunda • Kawalan Keselamatan

KEKERAPAN GERAK KERJA BERSAMA JABATAN

STRATEGI	KPI	SASARAN	PELAN TINDAKAN
S6.2	<ul style="list-style-type: none"> • Operasi bersama teknikal dalaman dan agensi luar 	<ul style="list-style-type: none"> • 15 kali setahun 	<ul style="list-style-type: none"> • Menjalankan Operasi Bersama Berdasarkan : - - Aduan Awam - Notis - Pemantauan • Menjalinkan Kerjasama Antara Jabatan Dan Agensi Luar (NBOS)



MEMANTAPKAN KECEKAPAN ANGGOTA KERJA

STRATEGI	KPI	SASARAN	PELAN TINDAKAN
S6.3	<ul style="list-style-type: none"> Menghadiri kursus dan latihan penguatkuasaan 	<ul style="list-style-type: none"> Minima 80% anggota penguatkuasa menghadiri kursus berkaitan penguatkuasaan 	<ul style="list-style-type: none"> Kursus dan latihan penguatkuasaan seperti : - - Kursus insaniah - Latihan menembak - Kursus team building - Pertandingan kawad

MENINGKATKAN PROGRAM/ KEMPEN KESEDARAN UNDANG-UNDANG DI PERINGKAT KOMUNITI

STRATEGI	KPI	SASARAN	PELAN TINDAKAN
S6.4	<ul style="list-style-type: none"> Jumlah program/ kempen yang dilaksanakan 	<ul style="list-style-type: none"> Menjalankan 4 program/ kempen setahun 	<ul style="list-style-type: none"> Menjalankan Program-Program Seperti : - - Program Gerak Tumpu - Promosi Diskaun Tawaran Kompaun - Memasang <i>Signboard</i> Pemberitahuan/ Makluman - Sesi Dialog Bersama Pelanggan





BAHAGIAN 4 MEKANISME PELAKSANAAN/ PEMANTAUAN DAN PENILAIAN



4.1) ELEMEN PENENTU KEJAYAAN

DALAM MEMASTIKAN **KEJAYAAN PENCAPAIAN TERAS STRATEGIK MPKU**,
BEBERAPA **FAKTOR PENTING** MEMPENGARUHI STRATEGI
DAN PROGRAM TINDAKAN YANG TELAH DISEDIAKAN.
FAKTOR-FAKTOR INI MERUPAKAN
PENENTU KEJAYAAN PELAN STRATEGIK MPKU



01

KEPIMPINAN DAN TADBIR URUS CEMERLANG

Kemahiran memimpin merupakan elemen terpenting dalam menentukan kejayaan sesebuah organisasi. Pemimpin yang efektif mempunyai visi, integriti, pemikiran strategik, hubungan kerja yang produktif, saluran komunikasi yang berkesan dan keupayaan untuk menghasilkan pencapaian. Proses komunikasi yang jelas dan konsisten mengenai nilai dan objektif dalam kalangan pihak pengurusan, staf dan stakeholders akan dapat memastikan amalan tadbir urus yang baik tercapai dan keyakinan stakeholders terjamin akan memberi impak positif kepada MPKu.

02

PEMBUDAYAAN

Pembudayaan menuntun kepada cara pemikiran yang kritis dan konstruktif dalam kalangan warga kerja MPKu. Perubahan persekitaran yang berbeza serta kehendak stakeholder dan pelanggan yang semakin meningkat memerlukan penambahbaikan yang berterusan di dalam sistem penyampaian berkesan melalui usaha pembudayaan inovasi dan kreativiti dan bekerja di luar kelaziman dan selari mengikut peraturan yang ditetapkan.

Penambahbaikan berterusan melalui nilai tambah (value added) dan nilai cipta (value creation) harus menjadi titik tolak kepada kesinambungan MPKu sebagai satu organisasi yang relevan dalam mengharungi masa depan yang kian mencabar. Proses penandaarasan (benchmarking) pula perlu dilaksanakan dari semasa ke semasa untuk menilai kedudukan MPKu berbanding organisasi lain sama ada badan Kerajaan mahupun swasta dari dalam atau luar negara. Amalan terbaik boleh dcedok mengikut kesesuaian dasar, peranan dan fungsi MPKu sebagai sebuah PBT di Malaysia. Kesemua elemen ini berupaya mendorong hasil inovasi dan kreativiti yang lebih bermutu dan mempunyai nilai kebolehpasaran yang tinggi. Hal ini seterusnya mampu meningkatkan imej MPKu khususnya dalam negara amnya melalui pengiktirafan inovasi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.



03

PENGUKUHAN SUMBER KEWANGAN

Perancangan dan pengurusan kewangan yang berkesan akan meningkatkan sumber hasil dan mengukuhkan kedudukan kewangan. Usaha berterusan warga kerja MPKu melaksanakan pengurusan kewangan yang efisien dalam memastikan sumber kewangan dapat digunakan dengan lebih berkesan dan 'Value For Money' bagi tujuan mengurus dan juga pembangunan di seluruh kawasan bagi dinikmati bersama penduduk setempat.

04

JALINAN KERJASAMA

Sokongan stakeholder merupakan faktor penentu kejayaan dan keberkesanan pelaksanaan Pelan Strategik MPKu. Tanpa sokongan dan penghayatan adalah sukar untuk menentukan hala tuju dalam mencapai matlamat yang telah disasarkan. Kepentingan Stakeholders sama ada Luaran dan pelanggan langsung serta stakeholder dalaman hendaklah diberi pertimbangan yang saksama dan sewajarnya dalam melaksanakan sistem penyampaian awam yang berkesan. Mekanisme berkomunikasi dua hala bagi memastikan maklum balas berkualiti diperolehi. Sokongan dan kepercayaan semua stakeholder luaran dan warga kerja bagi membantu menjayakan agenda transformasi untuk merealisasikan kandungan Pelan Strategik bagi tempoh lima tahun akan datang berjaya dengan cemerlang.



05 KAJIAN SEMULA PELAN STRATEGIK

Kajian semula Pelan Strategik akan dijalankan untuk menentukan keberkesanan pelaksanaan teras strategik dan tahap penyampaian sasaran prestasi yang ditetapkan. Kajian semula tersebut akan turut mengambil kira senario baru perubahan persekitaran dan tumpuan strategik MPKu

4.2) MEKANISME PELAKSANAAN

Pelan Strategik 2016-2020 MPKu merupakan rujukan Jabatan untuk mencapai matlamat dan sasaran yang telah ditetapkan. Pada tempoh pelaksanaan Pelan Strategik ini, elemen penambahbaikan akan diberi perhatian dari semasa ke semasa. Justeru itu, pemantauan terhadap pelaksanaannya akan dibuat oleh satu jawatankuasa yang ditubuhkan bagi memastikan pencapaian cemerlang visi dan misi Pelan Strategik 2016-2020 MPKu.

Kajian Semula Pelan Strategik MPKu akan dijalankan pada tahun 2018 untuk menentukan keberkesanan pelaksanaan Objektif Strategi dan tahap penyampaian sasaran prestasi yang ditetapkan. Kajian tersebut akan mengambil kira senario baru perubahan persekitaran.

JADUAL PERANCANGAN PEMANTAUAN DAN PENILAIAN PELAN STRATEGIK :

PERKARA	TARIKH CADANGAN
Mesyuarat Pemantauan Pelan Strategik	Setiap 6 tahun
Penilaian Pencapaian Keberkesanan	Setiap 2 tahun
Penilaian keberkesanan dan Kajian Semula Pelan Strategik	2020



BAHAGIAN 4

Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan Pelan Strategik MPKu akan bermesyuarat mengikut keperluan semasa dan lazimnya akan bermesyuarat di dalam Jawatankuasa Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan. Jawatankuasa akan berfungsi untuk memantau pencapaian KPI semua Jabatan/Bahagian/Unit seperti mana yang ditetapkan di dalam Pelan Strategik, menilai impak aktiviti yang diberikan kepada pelanggan, menyelesaikan sebarang isu dasar yang berkaitan Pelan Strategik dan mengkaji semula pencapaian keseluruhan Pelan Tindakan yang digariskan di dalam Pelan Strategik MPKu. Dalam merealisasikan Pelan Strategik, MPKu sebagai peneraju penyampaian perkhidmatan di dalam Daerah Kulai, pemerkasaan keupayaan dalaman merupakan prasyarat utama yang perlu dicapai bagi kepuasan perkhidmatan

JAWATAN	KEAHLIAN
Pengerusi	Yang Dipertua
Timbalan Pengerusi	Setiausaha
Urusetia	Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Unit Unit Audit Dalam/Unit Korporat MPKu

KAEDAH PEMANTAUAN, PELAKSANAAN DAN PENGUKURAN PRESTASI

- Laporan bulanan disediakan di peringkat Jabatan/Bahagian/Unit
- Laporan setengah tahun dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Strategik
- Laporan tahunan dibentangkan setiap akhir bulan terakhir dalam tahun berkenaan

PENILAIAN DAN SEMAKAN SEMULA

- Jawatankuasa Pengurusan Strategik MPKu akan memantau pencapaian pelaksanaan setiap strategi yang telah disediakan
- Analisis pencapaian akan memberi fokus kepada tahap pencapaian Objektif kepada strategi dan outcome bagi setiap teras strategik yang ditetapkan
- Penetapan semula teras strategik dan pembinaan strategi baru hendaklah bersesuaian dengan cabaran semasa dan halatuju terkini Kerajaan Persekutuan dan Negeri
- Semakan pencapaian dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Semula



4.3) SELANGKAH KE HADAPAN

Selepas Pelan Strategik ini dilaksanakan yang berakhir pada tahun 2020 diharapkan Majlis Perbandaran Kulai akan menyerlah dari segi penyampaian perkhidmatan dan pengurusan bagi menjamin kesinambungan fungsi dan peranan. Melalui Pelan Strategik 2016-2020 yang disediakan ini, diharap agar semua warga MPKu dapat menghayati dan mengorak langkah untuk bersama-sama melaksanakan transformasi minda, sikap dan budaya kerja bagi melonjak prestasi Jabatan ke tahap terunggul.

Perancangan Strategik MPKu perlu diteruskan selepas berakhirnya 2020 dalam usaha memantapkan lagi pengurusan dan penyampaian perkhidmatan seiring dengan perkembangan teknologi semasa dan era dunia virtual yang tiada sempadan dan mencapai tahap sebuah jabatan yang terunggul dalam pengurusan perkhidmatan teras dan menjadi penanda aras dan pusat rujukan di peringkat nasional .

Selain itu juga, menjadi impian setiap PBT khususnya warga MPKu untuk diberi pengiktirafan dengan diberi status sebagai Majlis Bandaraya. Semoga harapan dan impian ini akan termakbul dengan izin-Nya.



Penutup

Persekitaran yang semakin berubah serta harapan tinggi pelanggan dan pihak berkepentingan memerlukan MPKu sentiasa bersedia melaksanakan perubahan dan penambahbaikan agar terus relevan. Sehubungan dengan itu, Pelan Strategik KPKT 2016-2020 disediakan bagi mencerminkan aspirasi dan komitmen bersungguh-sungguh seluruh warga kerja MPKu dalam mendepani isu-isu strategik rakyat yang berkaitan dengan peranan, fungsi dan bidang kuasa MPKu.

Sistem penyampaian perkhidmatan awam yang cekap amat diperlukan bagi menjamin kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan dasar dan strategi pembangunan negara. Ia juga bagi memenuhi tuntutan dan ekspektasi rakyat serta masyarakat perniagaan yang terus meningkat.

Justeru, Pelan Strategik Majlis Perbandaran Kulai telah mengariskan beberapa objektif strategik dan strategi serta tindakan/program yang perlu dilaksanakan. Tumpuan akan diberikan kepada usaha penambahbaikan berterusan dan 'respon time'. Pelan strategik ini juga akan dijadikan sebagai rangka kerja kepada pihak pengurusan untuk memantau hala tuju organisasi serta meningkatkan keupayaan dalamnya bagi mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan. Prestasi pencapaian setiap program/ aktiviti/ inisiatif akan diukur melalui KPI yang telah ditetapkan. Secara keseluruhannya, Pelan Strategik 2016-2020 MPKu akan menyatukan dan menggerakkan setiap jabatan, bahagian dan unit di KPKT bagi mencapai visi, misi, matlamat dan moto di samping mencapai inisiatif MPKu yang telah ditetapkan.

Di samping itu, usaha untuk mempertingkatkan tadbir urus yang cekap dan efisien akan diteruskan selaras dengan hasrat kerajaan Negeri untuk mengutamakan kesejahteraan rakyat, merencanakan pertumbuhan ekonomi, agenda pembangunan yang berdaya saing dan Johor berkemajuan.

